



Ruj Kami : JANM.TAW.800-1/1 (9)
Tarikh : 27 September 2021

KETUA JABATAN PUSAT PEMBAYAR GAJI
TAWAU, KUNAK, SEMPORNA DAN LAHAD DATU

Tuan/Puan,

SEMAKAN MAKLUMAT DENGAN TEPAT SEMASA KUNCI MASUK IT0185
(PERSONAL ID) DAN IT0009 (BANK DETAIL)

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

- Untuk makluman pihak tuan / puan, pihak Jabatan Akauntan Negara Malaysia sedang dalam proses untuk mengukuhkan lagi aspek keselamatan pembayaran kepada semua penerima bayaran Kerajaan Persekutuan.
- Sehubungan dengan itu, inisiatif **Semakan Tambahan (*Second Validation*)** bagi semua pembayaran kerajaan akan dilaksanakan di mana **pembayaran hanya boleh dilakukan sekiranya nombor identiti penerima bayaran adalah berpadanan dengan nombor akaun bank**. Bagi membolehkan bayaran dapat dilaksanakan, **maklumat di sistem iGFMAS dan bank perlulah sama**. Kaedah pengesahan tambahan berlaku di sistem bank penerima bayaran dan proses pengesahan identiti penerima bayaran akan dibuat berdasarkan kepada nombor akaun bank dan nombor kad pengenalan dalam sistem iGFMAS dan sistem bank.
- Bagi mengurangkan risiko penolakan pembayaran disebabkan maklumat penerima bayaran tidak tepat, kerjasama tuan dan puan dipohon untuk memastikan tindakan kunci masuk adalah tepat bagi perkara-perkara berikut ;

Ruj Kami : JANM.TAW.800-1/1 (9)
Tarikh : 27 September 2021

Bil.	Tindakan (HCM)	Catatan
i.	Kunci masuk IT0185 (Personal IDs)	Pastikan nombor kad pengenalan pegawai disemak sehingga tepat pada IC Type = 01 (IC) menggunakan 12 digit nombor Kad Pengenalan Malaysia bagi warga negara Malaysia atau IC Type = 02 (Passport) bagi bukan warganegara
ii.	Kunci masuk IT0009 (Bank Details)	Pastikan nombor kad pengenalan pegawai pada salinan penyata/ buku akaun bank mestilah bersamaan dengan 12 digit nombor Kad Pengenalan Malaysia (warga negara Malaysia) atau nombor passport (bukan warga negara).

5. Perhatian dan kerjasama pihak tuan dan puan ke atas perkara ini amatlah di harapkan bagi mengelakkan pembayaran tidak dapat dilaksanakan kepada penerima yang berkaitan. Pihak JANM Tawau akan mengeluarkan surat peringatan jika perkara ini kerap berlaku di PTJ tuan dan puan.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul"

Saya yang menjalankan amanah,

(NIZAM BIN LIMUN C.A(M), ACMA, CGMA)

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Cawangan Tawau